

SOALAN NO. 90**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YANG BERHORMAT TUAN ZAIRIL KHIR JOHARI
[BUKIT BENDERA]

TARIKH : 3 OGOS 2017

SOALAN :

YB Tuan Zairil Khir Johari [Bukit Bendera] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan dua orang pegawai Kerajaan Persekutuan dengan pengetahuan khas tentang topologi dan penaburan penduduk yang menasihati Suruhanjaya Pilihan Raya dalam persempadanan semula Sarawak (2015), Sabah (2016) dan Tanah Melayu (2016-7) seperti dikehendaki oleh Perkara 115(2) Perlembagaan Persekutuan.

JAWAPAN: **YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID,**
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) telah melantik dua orang Pegawai Kerajaan Persekutuan bagi menasihati SPR dalam perkara-perkara berkaitan topografi dan taburan penduduk dan telah diperkenankan oleh Yang di Pertuan Agong selaras dengan Perkara 115 (2), Perlembagaan Persekutuan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, nama-nama pegawai tersebut akan dimuatkan dalam Laporan Akhir Syor Kajian Semula Persempadanan Bagi Negeri Sabah dan Negeri-Negeri Tanah Melayu seperti mana yang telah dilaporkan dalam Laporan Akhir Syor Kajian Semula Persempadanan Bagi Negeri Sarawak Kali Keenam pada tahun 2015.

Sekian, terima kasih.